

# PENDAFTARAN PELAJAR BARU DAN MINGGU SUAIKENAL PELAJAR BARU



Seramai 708 orang pelajar baru telah mendaftar sebagai pelajar Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia bertempat di Kolej Kediaman Tun Abdul Razak (KKTARz), Kampung Wai Kuala Perlis pada 3 Julai 2005 yang lalu. Jumlah pelajar baru bagi sidang akademik 2005/2006 ini menunjukkan peningkatan mendadak berbanding hanya seramai 570 orang pelajar yang

Kejuruteraan Komputer dan Perhubungan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan dan Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik.

Yang Berbahagia Dato' Rektor dan hampir semua warga KUKUM yang berkampung di kolej kediaman itu hampir seminggu telah menyambut kedatangan para pelajar serta keluarga masing-masing pada sesi pendaftaran yang telah bermula seawal jam lapan pagi itu. Ini diikuti dengan sesi taklimat kepada waris pelajar telah disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Zul Azhar Zahid Jamal di Dewan Serbaguna pada kira-kira jam 11.00 pagi.



mendaftar pada sidang akademik yang lalu. Kesemua pelajar itu akan mengikuti pengajian selama empat tahun di bawah enam pusat pengajian iaitu Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik, Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik, Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan, Pusat Pengajian



# SIDANG AKADEMIK 2005/2006

Para pelajar baru KUKUM juga sangat bertuah kerana Canselor KUKUM yang juga Pemangku Raja Perlis, D.Y.M.M. Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail telah mencemar duli untuk turun padang dan beramah mesra dengan pelajar baru serta ahli keluarga mereka. Baginda bersama-sama pelajar serta keluarga masing-masing juga telah dibawa melawat ke ruang-ruang pameran di perkarangan makmal kejuruteraan yang diadakan untuk memberi pendedahan kepada ahli keluarga pelajar-pelajar baru mengenai bidang-bidang pengajian yang ditawarkan di KUKUM.



Pada sebelah petangnya, setelah urusan pendaftaran selesai, pelajar-pelajar telah dibawa ke dewan serbaguna kolej kediaman untuk mendengar taklimat mengenai minggu suaikenal pelajar baru. Pelbagai aktiviti telah disusun dan dapat dijalankan dengan jayanya, antaranya, lawatan ke seluruh kampus KUKUM, sesi pendaftaran kursus, Majlis Akujanji Pelajar Baru, Program Bersama Tokoh: Y.B. Dato' Haji Zainal Abidin Zin, Timbalan Menteri Pertahanan



Malaysia, Program Bersama Masyarakat, Ceramah Islam Hadhari, Sukan & Rekreasi dan Majlis Penutup Minggu Suaikenal Sidang Akademik 2005/2006 yang diadakan di sepanjang minggu suaikenal bermula dari 3 Julai 2005 dan berakhir pada 10 Julai 2005 yang lalu.

Disediakan Oleh:  
Muhammad Najib Othman

